



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA  
SAMBUTAN HARI WESAK DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP) 3.0**

---

24 Mei 2021, Putrajaya – Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Pengurusan Covid-19 Bilangan 32 Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Mei 2021 telah meluluskan Prosedur Operasi Standard (SOP) Sambutan Hari Wesak pada 26 Mei 2021 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

2. Antara syarat-syarat nyata dalam SOP tersebut adalah:

**A. SOP SAMBUTAN HARI WESAK**

a) **Bilangan Kehadiran:**

- i. **Jumlah kehadiran** di rumah ibadat selain Islam dibenarkan hanya melibatkan **Ketua Agama (Sami)** dan **10 orang AJK sahaja**: dan
- ii. **Tidak melibatkan kehadiran penganut.**

b) **Waktu operasi rumah ibadat:**

- i. **Dibenarkan satu (1) sesi sahaja antara jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang**

c) **Perarakan Kenderaan Berhias Buddha** adalah **tidak dibenarkan**.

d) **Aktiviti rentas negeri / daerah** adalah **tidak dibenarkan**

2. Pegawai-pegawai Perpaduan yang telah dilantik sebagai Pegawai Pemantau di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) akan melakukan pemantauan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.
3. Seterusnya bersempena dengan Sambutan Hari Wesak pada 26 Mei 2021, YB Menteri Perpaduan Negara merakamkan ucapan Selamat Hari Wesak kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Buddha dan menyeru agar penganut-penganut agama Buddha di Malaysia untuk menyambut Hari Wesak dalam norma baharu dengan memastikan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.
4. YB Menteri Perpaduan juga mengingatkan semua rakyat Malaysia untuk sentiasa menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan memastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

**Kementerian Perpaduan Negara**

24 Mei 2021

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (68)